

BAB 2
KONSEP KEMISKINAN JIWA:
SEMAKAN SEMULA DAN IMPLIKASINYA
Noor Hisham Md Nawi dan Nurul Iman Mohd Zain

PENDAHULUAN

Miskin boleh dikategorikan kepada dua pembahagian besar, iaitu miskin harta atau fizikal dan miskin jiwa (al-Qaradhawi, 1985). Hubungan antara miskin harta dan miskin jiwa boleh terus diperdebatkan. Adakah miskin harta yang menyebabkan miskin jiwa atau sebaliknya? Atau mungkin tidak ada hubungan yang jelas antara kedua-duanya. Namun jika dibandingkan, miskin jiwa adalah intinya. Adakah miskin jiwa juga wujud pada golongan yang kaya harta? Ia sesuatu yang menarik untuk dibahaskan. Memahami gejala kemiskinan jiwa amat penting untuk merubah dan memperbaiki masyarakat. Namun perkara yang lebih penting dan utama ialah usaha untuk merawat kemiskinan jiwa dengan menggunakan formula, pendekatan, bentuk dan cara yang tepat dengan kumpulan sasaran. Usaha pembasmian kemiskinan tanpa mengambil kira elemen kemiskinan jiwa dikhuatiri akan menemui kitaran kegagalan yang berulang-ulang.

MISKIN DAN DIMENSI KEMISKINAN

Perkataan miskin menurut bahasa Arab berasal daripada akar kata *sakana*, bermaksud yang berhenti pergerakannya, berdiam diri atau bersandar. Oleh itu, perkataan miskin ini diambil daripada kata akar ini kerana kebergantungan (bersandar) seseorang kepada manusia lain (al-Fayumi, 1987). Kemiskinan adalah satu *sunnatullah* (fenomena alam aturan Allah) yang mempunyai fungsi dan hikmahnya yang tersendiri. Ia adalah